

Headline	Bukan kerana wang		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	46	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	526 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,352
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,056



'Bukan kerana wang'

Pembabitan Aaron sebagai Duta Kelab Belia Riben Merah MAM sebagai kerja masyarakat

>>Oleh Maria Uffa Zulkafeli

am@hmetro.com.my

JITRA: "Semua yang dilakukan ini bukan semata-mata kerana wang, tetapi saya mahu beramal dan melakukan sesuatu untuk golongan belia agar mereka tidak mudah terjebak dalam gejala sosial yang mampu membawa kemusnahan dalam hidup," kata aktor terkenal, Aaron Aziz yang menjadi Duta Kelab Belia Riben Merah, Majlis Aids Malaysia (MAM).

Aaron berkata, beliau merasa amat bangga dengan pelantikannya sebagai duta kelab terbabit, sekali gus dapat membabitkan diri dalam kerja khidmat masyarakat kerana itu satu cara untuk berbakti kepada orang ramai termasuk peminatnya.

Katanya, beliau menanamkan tekad melakukan sesuatu untuk golongan belia

lebih-lagi apabila mengetahui golongan itu selain wanita antara yang paling ramai berisiko mendapat jangkitan HIV/Aids.

"Malah, sebagai seorang bapa yang mempunyai anak dan akan membesar menjadi dewasa suatu hari nanti, maka saya perlu menjadi contoh terbaik bagi membentuk keperibadian mereka menjadi insan yang berguna pada masa hadapan.

"Justeru sebagai seorang selebriti, saya ada kelebihan menarik perhatian masyarakat bagi mendengar mesej yang hendak disampaikan," katanya kepada pemberita di Sintok, dekat sini, kelmarin.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran Kelab Belia Riben Merah MAM dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM), Sin-

tok.

Kelab Belia Riben Merah adalah seruan MAM kepada belia berusia antara 18 hingga 40 tahun untuk bertindak menangani penularan HIV yang kian serius dalam kalangan peringkat umur itu.

Aaron berkata, sebagai golongan terdidik, mahasiswa mempunyai tanggungjawab untuk memperbaiki persepsi negatif masyarakat di samping membanteras stigma dan diskriminasi terhadap orang yang hidup dengan HIV.

Sementara itu, Naib Presiden MAM, Profesor Dr Ismail Baba berkata, UUM menjadi universiti tempatan perintis yang melancarkan kelab berkenaan dalam usaha mempromosikan gaya hi-

dup sihat dan menyebarkan maklumat tepat mengenai HIV/Aids kepada golongan belia.

Katanya, golongan belia mencatatkan kes terkumpul jangkitan HIV semakin serius dalam kalangan umur berkenaan iaitu lebih 76 peratus atau 69,747 daripada jumlah keseluruhan kes HIV sehingga akhir 2010 membabitkan golongan belia berusia antara 20 hingga 39 tahun.

"Manakala pada 2011, bagi setiap empat kes baru jangkitan HIV, satu dilaporkan di kalangan orang muda dan belia berusia 13 hingga 29 tahun," katanya.

Dr Ismail berkata, selepas ini MAM merancang akan melancarkan kelab sama di semua universiti tempatan di seluruh negara.



IKON...Aaron dikerumuni pelajar UUM Sintok selepas majlis pelancaran Kelab Belia Riben Merah MAM, semalam.

Headline	Bukan kerana wang		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	46	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	526 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,352
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,056



HUBUNGAN INTERAKTIF...pelajar melihat laman facebook MAM yang memaparkan aktiviti kelab.